

GARIS PANDUAN PENERBITAN BUKU ASAS PEMBELAJARAN BACAAN

AL-QURAN

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. PENGENALAN

Garis Panduan ini bertujuan menyelaraskan dan menetapkan syarat-syarat tertentu dalam penerbitan **Buku Asas Pembelajaran Bacaan al-Quran** bagi memastikan semua penerbitan tersebut mengikut kaedah penulisan al-Quran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Teks Al-Quran (LPPPQ).

Berdasarkan Peruntukan di bawah seksyen 14 (1) Akta Pencetakan Teks Al-Quran (APTQ) 1986, "*Tiada seorang pun boleh mencetak atau menerbitkan sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an yang mengandungi apa-apa kesilapan berkenaan dengan sesuatu Ayat Al-Qur'an di dalamnya*".

2. PANDUAN PENERBITAN : KAEDAH PENULISAN ASAS KAEDAH PEMBELAJARAN BACAAN AL-QURAN

- i. Penulisan **Buku Asas Pembelajaran Bacaan al-Quran** hendaklah dilakukan secara berperingkat ke arah mengenali penulisan *Rasm Uthmani* dan bacaan riwayat *Hafs An Asim*.
- ii. Penulisan **Buku Asas Pembelajaran Bacaan al-Quran** di peringkat awal **digalakkan** menggunakan kalimah dalam Bahasa Arab.
- iii. **Tidak dibenarkan** menulis **Buku Asas Pembelajaran Bacaan al-Quran** dengan menggunakan huruf rumi (transliterasi) atau lain-lain selain daripada huruf bahasa arab.
- iv. Setiap bahan **Buku Asas Pembelajaran Bacaan al-Quran** hendaklah dimulakan dengan pengenalan mengenai huruf-huruf *hijaiyah*.
- v. Mana-mana potongan ayat al-Quran hendaklah dibariskan dengan betul, jelas dan sempurna mengikut kaedah *Rasm Uthmani* dan *Dhobtul Quran* mengikut khat yang bersesuaian.
- vi. Setiap potongan ayat al-Quran mestilah mempunyai maksud yang sempurna dan tidak menyebabkan kekeliruan pada makna.

- vii. Tidak digalakkan menggunakan latar belakang atau *watermark* yang mengganggu teks al-Quran.
- viii. Sebarang penerbitan **Buku Asas Pembelajaran Bacaan al-Quran** yang mengandungi surah-surah al-Quran hendaklah mengikut turutan sepertimana mushaf al-Quran termasuk yang mengandungi terjemahan.
- ix. Sekiranya mengandungi ilustrasi gambar, ianya hendaklah tidak keterlaluan dan sopan serta sesuai dengan kesucian al-Quran.
- x. Bahan al-Quran yang mengandungi tajwid berwarna hendaklah mematuhi Garis Panduan Tajwid Berwarna dan Waqaf Ibtida'.
- xi. Setiap awal surah hendaklah dimulakan dengan Basmalah.
- xii. Sekiranya bahan al-Quran dikategorikan sebagai juzuk Amma, ianya hendaklah lengkap 1 juzuk dan lengkap 37 surah (surah an-Naba' hingga surah an-Nas).
- xiii. Sekiranya ada sebarang catatan, ianya boleh diletakkan pada tempat yang sesuai tanpa mengganggu teks al-Quran.
- xiv. Panduan / teknik pengajaran dan pembelajaran mestilah diterangkan pada bahagian awal buku asas kaedah pembelajaran bacaan al-Quran.

3. TERJEMAHAN

- 3.1 Terjemahan Teks atau Bahan Al-Qur'an hendaklah berpandukan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman atau terjemahan yang lain dan mendapat kelulusan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- 3.2 Terjemahan Perkata adalah dibenarkan tetapi hendaklah disertakan dengan terjemahan penuh.
- 3.3 Sekiranya mengandungi penerbitan Hadith, hendaklah mematuhi Garis Panduan Penulisan Hadith.

4. KULIT MUKA DEPAN NASKAH (MOCK-UP)

Setiap nama bahan Al-Qur'an hendaklah diletakkan tajuk yang sesuai mengikut kandungan bahan **Buku Asas Pembelajaran Bacaan al-Quran**.

5. SYARAT-SYARAT BAGI BAHAN DIGITAL / AUDIO

- i. Setiap bahan al-Quran yang mengandungi / berbentuk digital audio hendaklah menyatakan nama pembaca dengan jelas.
- ii. Bacaan dan rakaman suara hendaklah jelas,terang dan bertajwid.
- iii. Paparan dan bacaan hendaklah selari.
- iv. Paparan tulisan hendaklah mengikut syarat-syarat seperti di para 2.
- v. Bacaan audio hendaklah mendapat surat kebenaran dari Qari atau penerbit asal. (digalakkan mendapatkan rakaman studio).

6. SEMAKAN PERUNDING BAHAN AL-QURAN

Setiap bahan Al-Quran hendaklah disemak terlebih dahulu oleh panel perunding yang dilantik oleh syarikat dan berkelulusan sekurang-kurangnya Diploma Tahfiz al-Qur'an dan Qiraat yang diiktiraf atau setaraf dengannya.

7. PENCETAKAN

Setiap penerbitan bahan al-Quran hendaklah dicetak di premis pencetakan yang telah mendapat kelulusan Lesen Mencetak al-Quran yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ).

8. PENUTUP

Sebarang pertanyaan dan panduan, sila layari www.moha.gov.my atau datang ke alamat, Seksyen Regulatori Al-Quran dan Hadith, Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan, Kementerian Dalam Negeri, Aras 5, Blok D1, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 WP Putrajaya.